

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat segelintir pihak yang bergelut dengan stereotaip akibat kekurangan maklumat yang tepat. Realiti ini menunjukkan akan kepentingan usaha bersepadu yang melibatkan kerajaan, komuniti dan institusi pendidikan untuk mengintegrasikan program sokongan serta latihan khusus yang tidak hanya menasaskan penghidap autisme, malah keluarga mereka.

Usaha proaktif memupuk kesedaran secara berterusan yang sedang dilaksanakan termasuklah menerusi bengkel komuniti, kempen kesedaran dalam media sosial dan penyediaan pusat sokongan yang mudah diakses adalah sangat penting bagi memastikan semua lapisan masyarakat memahami akan cabaran yang dihadapi oleh penghidap autisme serta cara yang efektif untuk menyokong mereka dan keluarga. Tindakan ini sekali gus dapat membantu membina sebuah masyarakat yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan khusus setiap individu.

Cabaran yang dihadapi oleh keluarga yang membesarkan penghidap autisme pastinya berbeza antara satu dengan yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana autisme merupakan satu spektrum yang merangkumi pelbagai tahap dan ciri yang unik. Keluarga yang memahami tentang kepelbagaian Gangguan Spektrum Autisme (GSA), kebiasaannya, lebih bersedia untuk menyesuaikan kehidupan dengan pendekatan intervensi yang khusus, di samping berusaha mendapatkan sokongan yang sesuai. Mereka juga cenderung melihat setiap insiden sebagai manifestasi terhadap keperluan atau ciri unik yang memerlukan perhatian daripada profesional serta masyarakat, selain beranggapan bahawa autisme bukanlah sesuatu yang harus dimalukan atau disembunyikan. Sementara itu, masyarakat yang

Memasyarakatkan

Autisme

Bersediakah Kita?

Autisme kini bukan lagi suatu kecacatan yang begitu asing dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sejak 1990-an, kesedaran tentang peningkatan jumlah kanak-kanak penghidap autisme di samping perkongsian pengalaman serta maklumat mengenai simptomnya sama ada menerusi media massa atau media sosial telah meningkatkan kecaknaan masyarakat.

kurang faham tentang kepelbagaian gangguan autisme ini sering kali terjebak dengan stereotaip negatif yang boleh mengakibatkan diskriminasi atau salah faham terhadap keluarga dan penghidap autisme. Oleh itu, pemerksaan pendidikan dan pendedahan tentang realiti hidup penghidap autisme merupakan kaedah terbaik untuk mengurangkan stigma serta membina sokongan komuniti yang lebih memahami dan empati.

Kebanyakan daripada keluarga penghidap autisme sering menghadapi kekangan untuk melakukan aktiviti di tempat awam disebabkan oleh stigma masyarakat atau persekitaran yang kurang mesra terhadap keperluan sensori individu autisme. Sensitiviti tinggi terhadap bunyi bising, cahaya terang dan

kesesakan menyebabkan penghidap autisme mudah terganggu. Oleh itu, ahli keluarga atau penjaga cenderung memilih lokasi yang lebih tenang dan terasing untuk melakukan aktiviti harian seperti beriadah atau bersiar-siar. Tindakan tersebut bukanlah disebabkan oleh ketidakmampuan ahli keluarga atau penjaga untuk mengawal tingkah laku penghidap autisme, sebaliknya merupakan usaha untuk menjaga keselesaan dan keharmonian orang awam yang berada di sekeliling, sambil memastikan penghidap autisme berada dalam persekitaran yang kondusif.

Kadangkala berlaku situasi orang awam yang berasa takut atau terancam apabila berhadapan dengan tingkah laku penghidap autisme yang dilihat pelik dan luar daripada kebiasaan. Hal ini membuktikan bahawa terdapat



keperluan bagi mewujudkan ruang awam yang mesra autisme agar keluarga tidak berasa tersisih dan dapat menikmati kehidupan sosial tanpa kekangan.

Tidak dapat dinafikan bahawa platform media sosial berperanan penting dalam menyebarkan maklumat tentang autisme dan kepelbagaian spektrumnya. Melalui perkongsian pengalaman, maklumat saintifik dan advokasi daripada ibu bapa serta pakar, masyarakat kini mempunyai lebih banyak akses kepada pengetahuan mengenai cabaran yang dihadapi oleh individu autisme dan keluarga. Walaupun pendedahan ini membantu dalam membentuk kefahaman asas, pengalaman sebenar bagi membesarkan seorang anak autisme adalah lebih kompleks.

Bagi masyarakat umum, pertemuan dengan individu autisme mungkin berlaku dalam situasi yang singkat seperti di tempat awam atau dalam acara tertentu. Namun begitu, bagi keluarga yang membesarkan anak autisme, cabaran ini harus dihadapi seumur hidup dan memerlukan kesabaran, ketabahan serta sistem sokongan yang berterusan. Kebanyakan ibu bapa tidak mengharapkan simpati, sebaliknya berharap agar masyarakat lebih memahami dan bertoleransi dengan anak autisme. Selain itu, mereka juga tidak meminta layanan yang istimewa, sebaliknya hanya

mahu agar hak mereka untuk menjalani kehidupan yang normal seperti orang lain dihormati. Contohnya, mereka dapat membawa anak ke masjid, taman dan tempat awam yang lain tanpa dipandang serong.

Pada hakikatnya, banyak ibu bapa yang membesarkan anak autisme mengalami pelbagai cabaran termasuklah kekurangan sokongan sosial, bebanan kewangan yang tinggi untuk terapi dan pendidikan khas serta tuntutan antara kerja dengan masa. Tanpa jaringan sokongan yang kukuh, kesihatan mental dan fizikal mereka boleh terjejas, seterusnya akan memberikan kesan terhadap kebajikan anak autisme itu sendiri. Oleh itu, sokongan menyeluruh amat diperlukan yang tidak hanya melibatkan keluarga terdekat, malah termasuklah rakan, jiran dan majikan yang memberikan fleksibiliti serta memahami cabaran mereka. Menerusi masyarakat yang lebih inklusif dan prihatin, keluarga penghidap autisme boleh menjalani kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera tanpa berasa terasing atau terbeban.

Pihak kerajaan telah menyediakan banyak bantuan dan inisiatif bagi golongan orang kurang upaya (OKU) serta penghidap autisme. Bantuan termasuklah akses kepada pendidikan khas, terapi intervensi awal, elaun khas serta peluang pekerjaan dalam sektor tertentu adalah antara langkah yang dilaksanakan untuk

memastikan kebajikan golongan tersebut terjamin. Walaupun usaha ini memberikan impak yang positif, tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap autisme masih rendah. Sebahagian daripada mereka masih tidak memahami bahawa autisme bukanlah sekadar satu keadaan kesihatan mental atau kecacatan intelektual, tetapi satu spektrum yang luas dengan pelbagai keunikan dan cabaran tersendiri. Kanak-kanak penghidap autisme tidak hanya memerlukan sokongan pada peringkat awal kehidupan, malah ketika mereka meningkat dewasa. Tanpa kefahaman dalam kalangan masyarakat, individu autisme bakal menghadapi kesukaran untuk bersosial atau menjalani kehidupan berdikari.

Oleh itu, masyarakat perlu melihat dan menerima mereka sebagai sebahagian daripada komuniti dan tidak hanya sebagai golongan yang memerlukan bantuan. Sikap lebih terangkum termasuklah memberikan peluang pekerjaan yang bersesuaian, menyediakan persekitaran kerja yang mesra autisme serta menerima mereka dalam aktiviti sosial tanpa diskriminasi merupakan langkah yang boleh membantu penghidap autisme menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Program pendidikan berterusan, kempen kesedaran awam dan inisiatif sokongan sosial harus diperkukuhkan bagi memastikan masyarakat memahami cara untuk berinteraksi dengan individu autisme, selain memberikan sokongan yang berkesan.

Sebagai seorang bapa yang membesarkan anak autisme, tiada yang lebih diharapkan, melainkan agar anak syurga ini mampu mencapai potensi mereka serta menikmati kebahagiaan hidup yang lebih bermakna. Hanya menerusi masyarakat yang lebih prihatin, inklusif dan berilmu, individu autisme akan dapat diterima sebagai sebahagian daripada komuniti dan seterusnya diberikan peluang untuk berkembang serta menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. ●